

27 Ogos 2020 (Khamis)

## Matrix catat jualan harta tanah baharu bernilai RM350 juta

**SEREMBAN** — Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) mencatatkan jualan harta tanah baharu bernilai RM350.3 juta untuk tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2020.

Peningkatan tersebut adalah satu perkara yang baik buat syarikat meskipun berdepan dengan cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak Covid-19.

Pendapatan itu meningkat 9.3 peratus berbanding RM320.4 juta pada tahun sebelumnya.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, faktor ini disokong oleh jualan secara online dan platform pemasaran serta permintaan tinggi pembangunan harta tanah di Sendayan di Seremban serta Bandar Seri Impian di Johor.

"Pendapatan itu membantu mengimbangi sektor lain syarikat itu yang terjejas akibat PKP seperti pembinaan, hospitaliti, pendidikan dan kesihatan dari bulan April hingga Mei 2020.

"Ketika dunia dibelenggu dengan realiti baharu akibat wabak berbahaya itu, kami bertekad untuk terus bergerak ke depan dalam masa sukar ini.



MOHAMAD HASLAH

"Pada suku pertama tahun ini, kami berdepan situasi mencabar dan aktiviti pembinaan terhenti selama dua bulan.

"Namun, kami meningkatkan aktiviti jualan dan pemasaran untuk menyasarkan lebih banyak peluang baharu.

"Ia telah disokong oleh jualan secara online serta platform pemasaran yang mana kami telah melabur sejumlah wang yang besar untuk program berkenaan sejak dua tahun lalu," katanya

dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohamad Haslah menjelaskan, pemintaan tinggi pembeli untuk rumah mampu milik dan usaha kerajaan mempromosikan pemilikan rumah turut menjadi faktor penting kepada peningkatan jualan tersebut.

Sementara itu, Matrix Concepts melancarkan projek harta tanah baharu dengan nilai pembangunan kasar RM258.5 juta pada suku pertama tahun ini.

Menurut Mohamad Haslah, syarikat kini dalam landasan untuk mencapai sasaran nilai pembangunan kasar sebanyak RM1 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021.

Kumpulan harta tanah itu telah melancarkan projek Clover di Resorts Residence dan Floria di Tiara Sendayan yang merangkumi rumah teres dua tingkat di Sendayan, Seremban.

Floria menampilkan 246 buah rumah dengan harga bermula RM498,888 seunit.

Projek berkenaan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jualan hampir 100 peratus unit berkenaan habis dijual.